

TARIKH: 27/7/23  
SURAT KHABAR: Kosmo Khamis  
MUKA SURAT: 4

## KSM kumpul input perincian model gaji progresif



**MUSTAPHA (tengah)** menunjukkan isyarat bagus selepas merasmikan Outreach TVET Madani Jom Pilih Kemahiran Zon Utara 2023 di Kangar semalam.

**KANGAR** – Kementerian Sumber Manusia (KSM) kini sedang mendapatkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan bagi tujuan pelaksanaan model gaji progresif.

Timbalan Menteri, Mustapha Sakmud berkata, model gaji yang bertujuan membantu menangani kos sara hidup itu perlu mengambil kira aspek ekonomi di negara ini bagi memberi manfaat kepada semua pihak.

“Antara pihak terlibat adalah sektor industri, kesatuan pekerja, majikan dan pelbagai pihak lain bagi membolehkan polisi ter-

baik dapat dirangka.

“KSM dan Kementerian Ekonomi secara prinsipnya bersetuju untuk melihat kerangka model gaji ini dan dijangka dibentangkan Ogos ini,” katanya pada sidang akhbar selepas program Outreach TVET Madani Jom Pilih Kemahiran Zon Utara 2023 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar di sini semalam.

Kerajaan baru-baru ini menuntut komitmen dan kerjasama sektor swasta dalam memastikan pelaksanaan dasar kenaikan gaji progresif bagi menangani kenaikan kos sara hidup.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, keutamaan kerajaan ketika ini adalah untuk merapatkan jurang ketara antara pertumbuhan gaji rakyat dengan kenaikan kos sara hidup.

Menurut Mustapha, perbincangan juga akan dilakukan dengan Ketua Setiausaha Negara dan Kementerian Ekonomi bagi membolehkan model gaji progresif sesuai dilaksanakan berdasarkan situasi semasa.

“Kita juga akan mengadakan perbincangan dengan Bank Negara bagi melihat tahap gaji yang wajar buat pekerja,” katanya.